

AMALAN PENGAJARAN BERKUALITI GURU PRASEKOLAH: KAJIAN KES DI PRASEKOLAH KPM SABAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019

**AMALAN PENGAJARAN BERKUALITI GURU PRASEKOLAH :
KAJIAN KES DI PRASEKOLAH KPM SABAH**

JADIRA C. JOANNES AJUNI

**LAPORAN TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2019**



Sila tanda (✓)

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 22 (hari bulan) OKTOBER (bulan) 2021

i. Perakuan pelajar :

Saya, JADIRA C JOANNES AJUNI, M20122002168, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk AMALAN BERKUALITI GURU PRASEKOLAH : KAJIAN KES DI PRASEKOLAH KPM SABAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. NORDIN MAMAT (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk AMALAN BERKUALITI GURU PRASEKOLAH : KAJIAN KES DI PRASEKOLAH KPM SABAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

22 OKTOBER 2021

Tarikh

Prof. Madya Dr. Nordin Mamat
Pesyarah Kanan
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: AMALAN PENGAJARAN BERKUALITI GURU
PRASEKOLAH : KAJIAN KES DI PRASEKOLAH
KPM SABAH

No. Matrik / Matric's No.: M20122002168

Saya / I: JADIRA C. JOANNES AJUNI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Jadira C. Joannes Ajuni
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Prof. Madya Dr. Nordin Mamat
Pesuruh Kanan
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Tandatangan, Paraf, Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keiziniannya dapat saya menyempurnakan disertasi/ tesis sarjana ini dengan jayanya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w berserta ahli keluarga dan sahabatnya. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian ini secara langsung atau tidak langsung khususnya buat penyelia utama, **Prof Madya Dr. Nordin Bin Mamat** yang sentiasa memberi inspirasi, bimbingan, motivasi, bantuan, cadangan, komen, pandangan dan tunjuk ajar dari awal hingga akhir dalam menjayakan kajian ini dengan sempurna. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih ini kepada pensyarah-pensyarah yang berkongsi ilmu yang tidak ternilai kepada saya sepanjang tempoh pengajian saya di UPSI.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah Unit Prasekolah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Penyelaras Prasekolah Daerah Kota Kinabalu, Penyelaras Prasekolah Daerah Tambunan, Guru Besar Cemerlang SK. Malawa Kota Kinabalu, Guru Besar Prasekolah SK. Gudon, Guru Besar Prasekolah SK. Kokol dan Guru Besar Prasekolah SK. Kuala Namadan yang telah banyak memberi kerjasama dan kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Begitu juga buat responden kajian yang terlibat dalam kajian ini. Terima kasih di atas kesudian membantu dalam kajian.

Selain itu jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pihak UPSI dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang memberikan saya peluang untuk menimba ilmu pengetahuan yang sangat berharga melalui hadiah cuti belajar berbiasiswa dan bergaji penuh. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih ini kepada rakan seperjuangan dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia (FPPM) dan rakan HLP yang sama-sama telah berjuang sepanjang pengajian ini serta turut memberi idea dan cadangan dalam memantapkan lagi hasil kajian ini. Begitu juga kepada pihak pengurusan sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sewaktu kajian ini dijalankan.

Akhir sekali, teristimewa buat suami tercinta Akmadin A. Syamrie bin Rajunah dan anak-anak tersayang Irsalina, Irsyaduddin, Irhamuddin, Irsyaminuddin dan Irsyahabuddin kerana sentiasa menjadi tulang belakang saya sepanjang pengajian ini. Begitu juga buat ayahanda Juanis@Joannes Ajuni, ibunda Jaliah binti Abdullah dan ibu mertua Munkie binti Dinding, serta kakak, abang dan adik saya termasuk ipar duai dan biras yang selalu memberi kekuatan, menjadi inspirasi dan tidak pernah putus memberi sokongan, dorongan dan juga pencetus semangat bagi menjayakan penulisan kajian ini, jutaan terima kasih diucapkan. Semoga jasa dan budi baik yang diberikan oleh semua akan mendapat balasan yang baik daripada Allah S.W.T. Amin Ya Rab al-Amin. Sekian terima kasih. Wassalam.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka Amalan Pengajaran Berkualiti (APB) guru prasekolah ke atas pengetahuan mengajar, kemahiran pengajaran dan pelaksanaan penilaian pengajaran berdasarkan beberapa Standard yang diguna pakai oleh KPM. Pendekatan kualitatif dengan rekabentuk satu kajian kes di pelbagai lokasi melalui teknik pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen terhadap empat orang guru prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di sekitar Sabah yang dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Data kualitatif dianalisis melalui tiga peringkat iaitu i) analisis data secara tidak formal; ii) pra-analisis data secara formal; dan iii) analisis data secara formal. Kajian rintis serta triangulasi data melalui temubual separa struktur, pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga tema utama yang muncul dikenal pasti iaitu: (i) pengetahuan mengajar; (ii) kemahiran mengajar; dan (iii) penilaian pengajaran & pembelajaran. Kesimpulan kajian ini menunjukkan tiga aspek penting yang boleh diguna pakai dalam membuat penilaian sendiri guru iaitu pengetahuan, kemahiran dan penilaian. Implikasi kajian menunjukkan APB membantu membangunkan kemenjadian murid prasekolah.

PRESCHOOL TEACHER'S QUALITY TEACHING PRACTICE : CASE STUDY IN SABAH PRESCHOOL

ABSTRACT

This study is aimed at exploring the preschool teacher's Quality Teaching Practice (QTP) on teaching knowledge, teaching skills and teaching evaluation based on several Standards adopted by MOE. Qualitative approaches with case study design at various locations through observation techniques, interviews and document analysis on four preschool teachers of the Ministry of Education Malaysia (MOE) around Sabah are selected based on the criteria set. Qualitative data was analyzed through three stages: i) informal data analysis; ii) pre-analysis of data formally; and iii) formal data analysis. Pilot study and data triangulation through semi-structured interviews, teaching observation and document analysis ensure the validity and reliability of the data. The findings show that there are three main themes that are identified: (i) teaching knowledge; (ii) teaching skills; and (iii) evaluation of teaching & learning. The conclusion of this study shows three important aspects that can be applied in performing self-assessment of teachers namely knowledge, skills and assessment. The implications of the QTP research show to help development the identity of preschool students.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN

PENGHARGAAN

iii

ABSTRAK

iv

ABSTRACT

v

KANDUNGAN

vi

SENARAI JADUAL

xi

SENARAI RAJAH

xiii

SENARAI SINGKATAN

xiv

SENARAI LAMPIRAN

xvi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

1

1.2 Latar belakang kajian

3

1.3 Pernyataan masalah kajian

4

1.4 Tujuan kajian

9

1.5 Objektif kajian

9

1.6 Persoalan kajian

10

1.7 Kepentingan kajian

11

1.8 Batasan kajian

12

1.9 Kerangka konseptual

13

1.10 Definisi istilah

17

1.10.1 Amalan pengajaran guru

17

1.10.2 Pengetahuan pedagogi guru

18

1.10.3 Kemahiran mengajar guru	18
1.10.4 Penilaian pengajaran dan pembelajaran (PdP)	19
1.10.5 Amalan pengajaran berkualiti	20
1.11 Rumusan	20

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	21
2.2 Teori dan model	22
2.2.1 Teori pengetahuan pedagogi	22
2.2.2 Model pengajaran Slavin	25
2.2.3 Rumusan	27
2.3 Standard pengajaran	28
2.3.1 Standard Guru Malaysia (SGM)	29
2.3.2 Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM)	33
2.3.3 Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK)	34
2.4 Sorotan kajian lepas	35
2.4.1 Amalan Pengajaran Guru Prasekolah	35
2.4.2 Pegetahuan mengajar guru	37
2.4.2.1 Pengetahuan isi kandungan	41
2.4.2.2 Pengetahuan pedagogi	43
2.4.2.3 Pengetahuan tentang murid	45
2.4.3 Kemahiran mengajar guru	45
2.4.3.1 Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP)	47
2.4.3.2 Pengurusan di bilik darjah	50
2.4.3.3 Sumber bahan pengajaran	53

2.4.4 Amalan reflektif	57
2.4.5 Kualiti guru dalam amalan pengajaran berkualiti	59
2.5 Rumusan	61

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pendahuluan	63
3.2 Reka bentuk kajian : kajian kes secara kualitatif	63
3.3 Teknik persampelan	
3.3.1 Persampelan bertujuan (purposeful sampling)	67
3.3.2 Tatacara pemilihan peserta kajian	67
3.4 Teknik pengumpulan data	70
3.4.1 Prosedur pengumpulan data kajian	70
3.4.2 Temu bual	72
3.4.3 Pemerhatian	73
3.4.4 Analisis dokumen	75
3.5 Prosedur kajian	76
3.5.1 Kajian awal : Ogos 2015	76
3.5.2 Pemilihan peserta kajian : Ogos 2015	77
3.5.3 Tempoh mengutip data : Ogos 2015- Mac 2016	77
3.6 Analisis data	78
3.6.1 Peringkat analisis data secara tidak formal	79
3.6.2 Peringkat pra-analisis data secara formal	79
3.6.3 Peringkat analisis data secara formal	80
3.7 Etika kajian	80
3.8 Kesahan dan kebolehpercayaan	81

3.8.1 Tringulasi data	82
3.8.2 Teknik semakan peserta (member check)	85
3.8.3 Teknik jejak audit	85
3.9 Kesimpulan	86

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1 Pendahuluan	87
4.2 Latar belakang guru prasekolah	88
4.3 APB berdasarkan pengetahuan pedagogi guru	92
4.3.1 Pengetahuan kurikulum dalam APB	93
4.3.1.1 KSPK-DSKP sebagai panduan	94
4.3.1.2 Objektif	95
4.3.1.3 Isi kandungan kurikulum	96
4.3.2 Pengetahuan mengajar guru	99
4.3.2.1 Persediaan mengajar	99
4.3.2.2 Kekangan pedagogi	105
4.3.2.3 Penyelesaian masalah pedagogi	111
4.3.3 Pengetahuan guru tentang murid	117
4.4 APB berdasarkan kemahiran mengajar guru	121
4.4.1 Kemahiran perlaksanaaKn pengajaran dan pembelajaran	121
4.4.1.1 Kaedah pengajaran	122
4.4.1.2 Insentif	138
4.4.2 Kemahiran pengurusan bilik darjah	
4.4.2.1 Pengurusan ruang belajar	151
4.4.2.2 Pengurusan bahan pembelajaran (BP)	160

4.4.2.3 Pengurusan murid	172
4.5 ABP berdasarkan penilaian pengajaran dan pembelajaran	176
4.5.1 Refleksi	176
4.5.2 Pentaksiran murid	180
4.5.2.1 Kekerapan pelaksanaan pentaksiran/penilaian	186
4.6 Penutup	187

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	189
5.2 Rumusan kajian	190
5.3 Perbincangan dapatan kajian	194
5.3.1 Apakah pengetahuan mengajar guru prasekolah (SK1)	195
5.3.2 Apakah kemahiran mengajar guru prasekolah? (SK2)	203
5.3.2.1 Pelaksanaan PdP	204
5.3.2.2 Pengurusan bilik darjah	209
5.3.3 Apakah guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (SK3)	213
5.3.4 Kemenjadian murid	216
5.4 Implikasi dan cadangan kajian	219
5.5 Cadangan kajian lanjutan	224
5.6 Kesimpulan	225

RUJUKAN	226
---------	-----

LAMPIRAN	235
----------	-----

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Langkah-langkah pemilihan sampel	69
3.2 Kaedah pengumpulan data	71
3.3 Ringkasan urutan peristiwa sepanjang Proses Kajian	78
3.4 Langkah-langkah meningkatkan Kesahan	82
3.5 Kutipan data dari Pelbagai Kaedah	84
4.1 Maklumat Peserta Kajian	89
4.2 Isi Kandungan RPH Guru	100
4.3 Tindakan Guru Prasekolah sebelum PdP	104
4.4 Kekangan Pedagogi Guru Prasekolah (GP)	105
4.5 Rumusan temubual Pengetahuan Pedagogi Guru	115
4.6 Kemahiran Mengajar Guru Prasekolah	121
4.7 Kaedah Pengajaran Guru Prasekolah	123
4.8 Bentuk Bimbingan Guru	139
4.9 Bimbingan Semasa PdP Guru Prasekolah	145
4.10 Ganjaran dalam PdP Guru Prasekolah	149
4.11 Pengajaran Guru	172
4.12 Pengurusan Murid ketika PdP	173
4.13 Refleksi Guru Prasekolah	178
4.14 Perlaksanaan Penilaian Murid dalam Bilik Darjah	181



5.1 Instrument Penilaian Kendiri Amalan Pengajaran Berkualiti (APB) Guru

221

SENARAI RAJAH

No.Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptuan Kajian	16
2.1 Model Penaakulan Pedagogi dan Tindakan (Shulman, 1987)	25
3.1 Triangulasi antara Kaedah	83
4.1 Pengetahuan Pedagogi Guru Prasekolah	93
4.2 Pengetahuan Kurikulum Guru Prasekolah	93
4.3 Pengetahuan Mengajar Guru Prasekolah	99
4.4 Intensif Guru Prasekolah Kepada Murid	139
4.5 Kriteria dan Fungsi Bahan Pembelajaran	161
5.1 Standard Amalan Pengajaran Berkualiti	193

SENARAI SINGKATAN

AKEPT	Akademik Kepimpinan Pengajian Tinggi
APB	Amalan Pengajaran Berkualiti
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BP	Bahan pembelajaran
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan

GP	Guru Prasekolah
GPA	Guru Prasekolah A
GPB	Guru Prasekolah B
GPC	Guru Prasekolah C
GPD	Guru Prasekolah D
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
KPK	Kurikulum Prasekolah Kebangsaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPIK	Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan
RPH	Rancangan Pengajaran Guru
SGM	Standard Guru Malaysia

SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
SKPK	Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan
TPACK-	Pengetahuan Kandungan Pedagogi Teknologi
TMK -	Teknologi Maklumat dan Komunikasi



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran menjalankan kajian dari EPRD
- B Surat kebenaran dari JPN Sabah
- C Contoh pengesahan data temubual
- D Protokol temu bual
- E Soalan temu bual guru prasekolah
- F Teks temubual
- G Rumusan pemerhatian PDP guru praekolah
- H Rancangan Pengajaran Harian (RPH)



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Gelombang pertama (2013-2015) dalam PPPM memberi fokus kepada peningkatan standard profesionalisme keguruan. Ini menunjukkan guru merupakan profesion yang dipandang tinggi kerana tanggungjawab yang diberikan perlu dilaksanakan dengan telus dan bertanggungjawab. Cabaran guru masa kini juga semakin mencabar ekor dari daripada hala tuju pendidikan negara ke arah pendidikan bertaraf dunia. Guru sebagai kumpulan pelaksana dasar dan matlamat kurikulum yang telah pun digariskan oleh pihak kerajaan.

Sebagai tonggak di dalam sistem pendidikan, guru bertindak sebagai ejen perubahan minda dan pembangunan negara serta mereka adalah golongan yang bertanggungjawab secara langsung dalam pelaksanaan dasar-dasar pendidikan negara selaras dengan perkara yang termaktub di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan

(FPK). Di peringkat pendidikan awal kanak-kanak iaitu peringkat prasekolah, guru mempunyai tanggungjawab besar menyampaikan kurikulum secara lebih kreatif dan inovatif. Sehubungan dengan tuntutan sedemikian, mereka perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sentiasa bersikap positif dalam menyampaikan kehendak dan intipati kurikulum yang tersedia.

Perubahan kurikulum menuntut guru prasekolah agar lebih bersedia menangani perubahan tersebut dengan lapang dada agar matlamat kurikulum prasekolah dapat disampaikan dengan lebih berkesan kearah melahirkan kanak-kanak yang memiliki modal insan minda kelas pertama. Pada tahun 2003, KPM telah memperkenalkan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK) di dalam pendidikan prasekolah. Namun KPK telah dikaji semula dan ditambah baik kurikulum tersebut pada tahun 2009 dan penggunaan kurikulum baru itu berkuatkuasa pada 2010 dimana Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) diperkenalkan yang menitik beratkan penguasaan 4M (Membaca, Menulis, Mengira, Menaakul). Tahun 2016 pula, kurikulum prasekolah telah melalui semula fasa penambahbaikan kepada Dokumen Standard Kurikulum Prasekolah (DSKP).

Rohaty (2003) menyatakan bahawa pembelajaran di prasekolah merupakan tahun-tahun asas dan kritis kepada peringkat pendidikan yang seterusnya. Proses permulaan pembelajaran bagi seseorang kanak-kanak juga diperolehi melalui pembelajaran di peringkat prasekolah (Ahmad Subki & Syed Ismail, 2013; Asmani, 2009). Hari ini peranan guru menjadi semakin mencabar. Guru turut memegang tanggungjawab untuk menyuburkan minat, memperkembangkan bakat dan kebolehan kanak-kanak serta sumber untuk membina daya pemikiran yang analitikal, kritikal



dan kreatif ke atas masyarakat sekitar. Oleh itu tidak dapat dinafikan bahawa dalam pendidikan secara formal, guru memegang peranan yang besar dalam menyampaikan ilmu dan kemahiran.

1.2 Latar Belakang Kajian

Shulman (1987) telah memperincikan bahawa terdapat tujuh asas pengetahuan yang perlu dimiliki oleh seseorang guru. Asas ilmu tersebut ialah pengetahuan pedagogi, pengetahuan tentang kandungan subjek, pengetahuan kurikulum, pengetahuan konten-pedagogi, pengetahuan tentang pelajar, pengetahuan tentang konteks pendidikan di Malaysia, serta pengetahuan tentang tujuan dan falsafah pendidikan di Malaysia. Asas ilmu guru ini merupakan perkara yang perlu diambil tindakan oleh guru untuk meningkatkan professional perguruan.

Guru yang mengajar kanak-kanak prasekolah juga perlu peka pada keperluan pendidikan dan perkembangan kanak-kanak. Menurut Kamarul Azmi, Mohd. Faez, Ab. Halim & Mohd. Izham (2011) mengenai peranan guru bukan hanya perlu menumpukan pada pengajaran di dalam bilik darjah sahaja tetapi guru haruslah memainkan peranan sebagai pemudah cara kepada pelajar. Memandangkan guru adalah insan yang diberi amanah besar mendidik kanak-kanak ini di sekolah, guru seharusnya merebut peluang mendidik kanak-kanak ini agar mereka mampu memperolehi ilmu pengetahuan asas yang akan membantu mereka menuju pendidikan yang lebih formal di tahap satu dan seterusnya. Guru perlu mengambil langkah-langkah pengajaran yang sesuai dengan peringkat perkembangan mental





kanak-kanak prasekolah. Pengetahuan dan kemahiran guru berkenaan pedagogi berpotensi menjadi isu pokok yang boleh dikenalpasti kearah amalan pengajaran berkualiti guru prasekolah.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Perkembangan semasa mendesak pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberikan tumpuan kepada usaha memantapkan kualiti pengajaran guru dan meningkatkan keupayaan kepimpinan sekolah untuk muncul sebagai pemimpin pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010). Ini bermakna guru perlu lebih kuat berusaha kearah pengajaran berkualiti. Selaras dengan kehendak itu, guru perlu memastikan sistem penyampaian pengajaran menjadi lebih efektif, menarik, menyeronokkan serta dapat merangsang minat pelajar untuk belajar (Rohani, Hazri & Nordin, 2010).

Pada tahun 2011, Akademik Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), Kementerian Pengajian Tinggi telah menjalankan kajian ke atas pengajaran guru. Pemerhatian ke atas 125 sesi pengajaran di 41 buah sekolah di seluruh Malaysia mendapati hanya 12% pengajaran guru disampaikan pada standard yang tinggi melalui aplikasi amalan terbaik pedagogi. Sebaliknya 50% daripada pengajaran yang dicerap ini tidak disampaikan dengan memuaskan (KPM, 2013). Dalam situasi begini, standard amalan pengajaran perlu diperincikan agar guru punyai garis panduan yang perlu dipenuhi dan menjadi penanda aras ke atas amalan pengajaran berkualiti.





Bukti kajian sebelum ini oleh Tengku Zawawi, Ramlee dan Abdul Razak (2009) mendapati bahawa guru-guru lemah di dalam menguasai pedagogi isi kandungan, sedangkan Shulman (1987) menegaskan bahawa Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) merupakan pengetahuan professional guru dalam mengajar dan menjadi asas kepada kefahaman guru untuk mengajar secara efektif. Bagi Anuar & Nelson (2015) di dalam kajian mereka menyatakan bahawa tindakan perlu diambil untuk meningkatkan pengetahuan guru dalam meningkatkan kemahiran mengajar bagi menghasilkan pelajar cemerlang yang memahami pentingnya mempelajari Sejarah dalam kehidupan seharian mereka.

Abdul Rahim et.al. (2000) ada menyatakan bahawa pengetahuan pedagogi guru ini telah digunakan untuk menilai dan menentukan tahap pengetahuan asas mengajar guru. Ini menjelaskan bahawa guru perlu memiliki pengetahuan pedagogi kerana ianya mampu meningkatkan kebekesanan ke atas pengajaran guru dan amalan pengajaran berkualiti juga menuntut guru prasekolah menjadi guru yang memiliki pengetahuan tentang pedagogi. Mariani (2006) juga berpendapat sama dengan menerangkan bahawa ilmu pengetahuan terutama pengetahuan pedagogi yang mantap perlu dimiliki oleh mereka yang terlibat sebagai pendidik di prasekolah.

Intan, Mahanee, Sharina dan Asiah (2007) di dalam kajiannya juga mendapati beberapa kelemahan guru prasekolah dalam pengajaran iaitu mereka kurang mempraktikkan soalan yang beraras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. Malah guru juga jarang menggunakan kaedah projek untuk membolehkan murid menyalurkan kreativiti secara keseluruhan. Walaupun mereka kerap menerapkan kemahiran berfikir kritis dan kreatif, namun guru prasekolah kurang berusaha





memupuk daya kreativiti murid dan kurang mempraktikkan soalan yang beraras tinggi.

Dalam kajian yang lain, Intan Azlina, Mahanee, Sharina & Asiah (2007) mendapati bahawa pengajaran guru menunjukkan kelemahan di dalam beberapa aspek iaitu kaedah mengajar, kemahiran dalam perisian yang digunakan, pengajaran yang membosankan dan tidak menarik, serta hanya mementingkan penyampaian fakta dan kandungan tetapi tidak berusaha untuk mengenali murid dan mengaitkan ilmu yang diajar dengan perkembangan semasa. Tengku Zawawi et.al (2009) juga mendapati bahawa guru mengajar hanya menerangkan bagaimana untuk memperolehi sesuatu jawapan pada persoalan tanpa murid tahu kenapa sesuatu langkah, cara, operasi dan seumpamanya digunakan di dalam menyelesaikan sesuatu di dalam pembelajaran.



Maria Inawati (2011) mendapati bahawa amalan pengajaran guru masih berpusatkan guru dan terikat dengan kaedah pengajaran tradisional. Manakala Kamarul, Mohd Faez, Ab. Halim & Mohd. Izham (2011) mendapati guru kurang mempelbagaikan kaedah di dalam pengajaran dan pembelajaran, dan ini menyebabkan PdP menjadi kurang mantap.

Kajian ke atas Pengetahuan Kandungan Pedagogi Teknologi (TPACK) guru-guru prasekolah ke arah penyediaan murid kepada Tahun Satu telah dibuat oleh Jain Chee, Mariani Md. Nor, Abdul Jalil Othman & Mohd Nazri Abdul Rahman (2018) mendapati bahawa peserta penyelidikan tidak mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang mendalam mengenai kandungan kurikulum dan teknologi pengajaran. Walau bagaimanapun, peserta penyelidikan mempunyai pengetahuan dan





pemahaman yang sangat baik tentang pedagogi. Guru menegaskan tentang perancangan pengajaran dan penyediaan rancangan pelajaran. Pelaksanaan pengajaran lebih tertumpu kepada kemahiran membaca, menulis dan matematik untuk menyediakan murid untuk Tahun Satu berbanding dengan membentuk keperibadian kanak-kanak yang lebih seimbang dari segi fizikal, mental, emosi, dan rohani.

Ia menjadi semakin sukar untuk mengabaikan keperluan pengetahuan dan kefahaman pedagogi dan kurikulum guru khususnya kepada guru prasekolah kerana mereka adalah tenaga pengajar pertama yang membimbing kanak-kanak di prasekolah. Guru yang memiliki pengetahuan dan kefahaman yang terhad di dalam pedagogi dan kurikulum mampu menghadkan kemampuan guru melaksanakan amalan pengajaran berkualiti (APB). Oleh itu penerokaan pengetahuan dan kefahaman unik guru prasekolah perlu diperhatikan bagi menghasilkan satu standard APB.

Melalui pernyataan yang dikemukakan ini jelaslah bahawa kemahiran pengajaran guru masih lemah dan tindakan penambahbaikan pada amalan pengajaran perlu dilakukan khususnya oleh guru prasekolah. Pengajaran guru yang masih lemah akan memberi impak kepada pengajaran seseorang guru itu. Sekiranya amalan pengajaran berkualiti guru tidak dapat dipertingkatkan, ini akan menyebabkan pengajaran guru juga berada di tahap yang tidak memberangsangkan.

Penyelidikan menunjukkan kanak-kanak yang mengikuti pendidikan awal pra sekolah/ program intervensi dapat mencapai keputusan akademik yang lebih baik semasa berada di sekolah rendah (UNICEF, 2010). Malah UNICEF (2010)





menekankan bahawa proses dalam pendidikan melibatkan cara guru memanipulasikan input sedia ada dalam merangka pembelajaran bermakna kepada kanak-kanak. Kenyataan tersebut menjelaskan bahawa kemenjadian murid prasekolah biasanya amat berkait rapat dengan keupayaan guru prasekolah menyampaikan ilmu pengetahuan. Guru prasekolah yang memiliki pengetahuan dan kefahaman tentang kurikulum, pengetahuan pedagogi dan menguasai kemahiran pengajaran membantu guru melaksanakan pengajaran dengan lebih efektif.

Hellinger (2010) turut menyatakan bahawa kualiti guru menjadi isu kritikal kerana keperluan kepada penambahbaikan yang radikal dan berskala besar dalam bidang pendidikan terutamanya sekolah rendah sangat mendesak dan berlaku secara global. Rohani, Hazri & Nordin (2010) dalam kajiannya mengenai guru berkualiti juga telah menyarankan agar amalan pengajaran guru berkualiti perlu dikaji dengan lebih terperinci lagi bagi mendapatkan pengetahuan yang lebih mendalam tentang bagaimana guru melaksanakan pengajaran mereka di dalam bilik darjah.

Nik Mohd Rahimi, Nurulhuda & Mahat Afifi (2012) turut menyarankan agar kajian berkenaan pengetahuan pedagogi guru ini perlu dilakukan agar setiap kelemahan atau kekuatan dapat dikenalpasti dan dapat diambil tindakan samada akan diperbaiki atau dibuat penambahbaikan yang sewajarnya.

Berdasarkan apa yang sudah dibincangkan di atas, kebanyakan penyelidik lebih cenderung meninjau samada komponen pengetahuan pedagogi guru atau komponen kemahiran pengajaran guru termasuklah amalan pengajaran guru berkualiti dan kualiti guru. Malangnya masih kurang usaha dilakukan untuk meneroka amalan



pengajaran berkualiti guru dan hampir tidak dilaksanakan kajian tersebut ke atas guru prasekolah. Harus diingat bahawa amalan pengajaran berkualiti guru dan amalan pengajaran guru berkualiti adalah sesuatu yang berbeza walaupun ianya menyentuh tentang kualiti. APB guru merupakan asas ke arah penghasilan pengajaran berkualiti dan kualiti itu tidak harus hanya dilihat dari satu komponen sahaja kerana terdapat beberapa komponen yang membina APB seorang guru.

Oleh itu, kajian ini cuba menyediakan satu siasatan yang lebih terperinci mengenai amalan-amalan pengajaran yang berkualiti yang perlu guru prasekolah miliki berdasarkan beberapa komponen utama yang menyokong ke arah APB iaitu pengetahuan mengajar guru dan kemahiran pengajaran guru.

1.4 Tujuan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengenalpasti Amalan Pengajaran Berkualiti (APB) guru prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

1.5 Objektif Kajian

Bagi mencapai tujuan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji, beberapa objektif khusus telah ditetapkan didalam kajian ini iaitu:-

1. Menenal pasti Amalan Pengajaran Berkualiti (APB) dari segi pengetahuan pedagogi guru prasekolah.

2. Mengenal pasti APB dari segi kemahiran mengajar guru prasekolah.
3. Mengenal pasti APB dari segi pelaksanaan penilaian pengajaran guru prasekolah.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada tujuan kajian, kajian ini meletakkan beberapa persoalan kajian yang ingin dijawab melalui kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji. Persoalan kajian yang ingin dijawab oleh pengkaji ialah:

- I. Apakah Amalan Pengajaran Berkualiti (APB) guru prasekolah dari segi pengetahuan pedagogi?
 - a) Apakah yang guru tahu tentang Kurikulum Prasekolah?
 - b) Apakah pengetahuan guru dalam mengajar?
 - c) Bagaimana pengetahuan guru tentang murid?
- II. Apakah APB guru prasekolah dari segi kemahiran mengajar?
 - a) Bagaimana guru melaksanakan pengajaran di prasekolah?
 - b) Bagaimana guru melaksanakan pengurusan bilik darjah semasa mengajar?
- III. Apakah APB guru prasekolah ke atas pelaksanaan penilaian pengajaran dan pembelajaran?
 - a) Adakah guru menulis refleksi di dalam pengajaran?
 - b) Adakah guru melaksanakan pentaksiran ke atas murid?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberi manfaat kepada murid dalam mendapatkan aktiviti pengajaran terbaik yang diamalkan oleh guru prasekolah ke arah amalan pengajaran berkualiti. Amalan pengajaran guru prasekolah perlu diperhatikan agar penambahbaikan ke atas pengetahuan dan kemahiran mengajar guru prasekolah dapat diambil peduli. Ini juga kerana pendidikan yang bersifat formal adalah bermula di peringkat prasekolah lagi. Sekiranya amalan pengajaran guru tidak berkualiti, tidak mustahil kanak-kanak yang akan masuk ke sekolah rendah kelak tidak mencapai tahap pencapaian pengetahuan yang sepatutnya dikuasai oleh mereka pada usia tujuh tahun.

Kajian ini dijalankan ke atas guru prasekolah yang mempunyai pelbagai latar belakang akademik dan pengalaman mengajar. Perbezaan sedemikian tentunya akan mempelbagaikan variasi dalam pengajaran dan memberi impak kepada pengajaran. Shulman (1987) telah mencadangkan agar kajian ke atas kemampuan dan kepakaran guru dinilai dari sudut proses pengajaran guru yang khusus tentang bagaimana pengetahuan dan pengajaran guru ditranformasikan secara berkesan kepada pelajar.

Dapatan kajian ini juga dapat dijadikan panduan guru prasekolah dalam mengurus dan mengendalikan aktiviti pengajaran dengan lebih sistematik dan kreatif. Pembinaan Standard amalan pengajaran berkualiti guru prasekolah boleh memberikan manfaat kepada guru prasekolah sebagai panduan berguna di samping dapat mengenal pasti amalan pengajaran berkualiti yang perlu mereka terapkan di dalam pengajaran mereka.



1.8 Batasan Kajian

Pengkaji membatasi kajian ini kepada amalan pengajaran berkualiti guru prasekolah berdasarkan beberapa standard dalam pendidikan di Malaysia iaitu Standard Guru Malaysia (SGM), Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) dan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) yang melibatkan pengetahuan dan kefahaman guru tentang kurikulum dan pedagogi, kemahiran pengajaran guru, kemenjadian murid dan faktor demografi guru. Kajian yang dilakukan ini bukanlah untuk menilai tahap pengajaran guru, ia hanyalah untuk meneroka bagaimana pengetahuan dan kemahiran pedagogi guru prasekolah ke arah amalan pengajaran berkualiti.

Seterusnya, dalam memilih lokasi dan peserta kajian, pengkaji mengambil kira aspek kepadatan data atau *the richness of data* yang akan diperolehi dari peserta-peserta kajian. Namun begitu, berdasarkan kemampuan pengkaji dari segi kos dan masa yang terhad, perkara ini tidak begitu dititikberatkan. Lokasi dan peserta kajian hanya tertumpu kepada empat orang guru prasekolah di dua Daerah iaitu Kota Kinabalu dan Tambunan Sabah yang mewakili Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Peserta kajian ini hanya mewakili sampel dan tidak mewakili sampel lain di kawasan lokasi yang sama. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan sebagai amalan pengajaran berkualiti kepada semua guru prasekolah di Malaysia.

Pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian kes yang digunakan dalam memperolehi data kajian juga memberikan batasan kepada hasil dapatan kajian kerana kekuatan menganalisis data yang diperolehi bergantung kepada kebolehan dan





ketrampilan yang ada pada pengkaji yang merupakan instrumen utama dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan tiga alat dalam pengumpulan data iaitu temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen.

Sungguhpun terdapat beberapa batasan seperti yang telah disebutkan, pengkaji merasakan bahawa kajian ini dapat memberikan gambaran yang berguna tentang standard yang perlu dalam amalan pengajaran guru prasekolah ke arah pengajaran berkualiti dalam melaksanakan pengajaran yang baik di prasekolah.

1.9 Kerangka Konseptual



Kerangka konseptual ini dibina berasaskan beberapa standard yang digunakan dalam pendidikan di Malaysia iaitu Standard Pengajaran Guru Malaysia (SPGM), Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) dan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK). Ketiga-tiga standard ini disepadukan sebagai garis panduan kepada Amalan Pengajaran Berkualiti (APB) Guru Prasekolah berasaskan Model Pengajaran Berkesan (Slavin, 1987; 1994) dan Model Perkembangan Pengetahuan Guru (Shulman, 1987).

Menurut Slavin (1987), pengajaran berkesan ini dipengaruhi oleh kualiti pengajaran guru iaitu bagaimana guru dapat menyampaikan pengajarannya dalam mod yang mudah difahami dan menyeronokkan murid. Selain daripada itu, kesesuaian aras pengajaran guru disesuaikan dengan kebolehan dan keupayaan murid di dalam





kelas yang guru ajar. Ini menunjukkan bahawa guru perlu memiliki keupayaan dalam kemahiran mengajar.

Manakala Shulman (1987) menitikberatkan tentang pengetahuan guru kerana ianya mempunyai pengaruh terhadap amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru dalam kelas. PPIK adalah domain pengetahuan guru yang dibina oleh guru melalui tranformasi pengetahuan guru tentang kandungan subjek dan pedagogi umum kepada bentuk pengajaran berkesan.

APB guru Prasekolah ini ditinjau berdasarkan kepada tiga komponen utama iaitu (i) pengetahuan pedagogi guru; (ii) kemahiran mengajar guru ; dan (iii) penilaian pengajaran guru. Demografi guru pula adalah perkara yang turut sama menjadi sebahagian kecil pemberi impak ke atas komponen-komponen utama tersebut.

Komponen pertama di dalam APB guru prasekolah ialah pengetahuan pedagogi guru (PPG) berdasarkan tiga jenis pengetahuan professional yang telah diketengahkan oleh Shulman (1987) iaitu pengetahuan isi kandungan (kurikulum), pengetahuan mengajar dan pengetahuan tentang murid. Pengetahuan professional guru oleh Shulman ini merupakan keadaan dimana guru mempunyai pengetahuan tentang mengajar sebagai persediaan untuk memberi kefahaman kepada murid terhadap pengajaran dan pembelajaran.

Komponen kedua yang membentuk APB guru prasekolah ialah kemahiran mengajar guru di dalam perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan model Pembelajaran Berkesan Slavin, SGM, SKPM dan SKPK, komponen kemahiran






pengajaran ini merangkumi perancangan dan pelaksanaan pdp, penggunaan sumber pendidikan dan pengurusan bilik darjah.

Komponen ketiga di dalam kerangka konseptual ini ialah penilaian pengajaran dan pembelajaran guru. Berdasarkan SKPM dan SKPK komponen ini diambil kira sebagai amalan yang perlu guru laksanakan di prasekolah.

Demografi guru juga dilihat sebagai sedikit memberi pengaruh sokongan kepada komponen. Keutamaan di dalam komponen ini ialah kelayakan ikhtisas yang perlu dimiliki oleh seseorang guru prasekolah sebagai kunci kepada bidang professional seseorang tenaga pengajar. Selain dari itu, tempoh pengalaman mengajar khusus kepada yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 5 tahun, di samping pemberian jawatan atau tanggungjawab tugas sebagai Jurulatih Utama dalam prasekolah menunjukkan bahawa guru tersebut mempunyai pengalaman luas dan pengetahuan yang mendalam dalam bidang masing-masing serta menjadi pakar rujuk guru prasekolah sekitar.





Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian

(diadaptasi dari Model Pengajaran Berkesan Slavin, Pengetahuan pedagogi Shulman, SGM, SKPM & SKPK)



1.10 Definisi Istilah

Kajian ini menggunakan beberapa istilah yang perlu diberikan definisi operasional yang dirasakan sesuai untuk memperolehi maklumat yang dikehendaki oleh pengkaji. Definisi operasional diberikan bagi mengelak sebarang kekeliruan dalam lingkungan kajian ini.

1.10.1 Amalan pengajaran guru

Amalan merupakan perlakuan atau tindakan yang dilakukan secara rutin dan berulang kali sehingga menjadi suatu kebiasaan (Esah, 2003). Pengajaran adalah seni dan kualiti pengajaran bergantung kepada kasih sayang, dedikasi dan kesetiaan guru terhadap profesion. Kualiti program pengajaran tidak boleh mengatasi kualiti guru. Pengajaran merupakan satu proses penyampaian ilmu pengetahuan, maklumat dan kemahiran kepada pelajar dan berkesan adalah sesuatu yang boleh memberikan impak.

Amalan pengajaran di dalam kajian ini merujuk tentang amalan guru mengurus proses pengajaran dengan mengambil kira pengetahuan dan kefahaman guru tentang kurikulum dan pedagogi; kemahiran pengajaran guru; dan kemenjadian murid di samping sokongan maklumat demografi guru itu sendiri.





1.10.2 Pengetahuan pedagogi guru

Pengetahuan pedagogi merupakan pengetahuan guru tentang proses dan amalan dalam pengajaran dan pembelajaran. Ianya memfokuskan kepada cara yang digunakan oleh guru dalam membantu menggalakkan kefahaman kepada pelajar tentang sesuatu konsep atau topik dan membolehkan kanak-kanak menggunakan ilmu tersebut dalam kehidupan seharian mereka (NCTM, 2000). Pengetahuan pedagogi meliputi suatu adunan pengetahuan isi kandungan dengan pedagogi yang merupakan suatu bidang ilmu khusus dalam perguruan (Boon Pong Ying, 2002).

Darling-Hammond dan Barats-Snowden (2005) pula menjelaskan bahawa pengetahuan pengajaran guru permulaan perlu melibatkan kefahaman terhadap aktiviti pengajaran di dalam kelas. Oleh itu, pengetahuan pedagogi guru prasekolah dalam kajian ini merujuk kepada penguasaan dan pemahaman dalam disiplin ilmu pendidikan prasekolah yang digunakan sebelum pengajaran dilakukan termasuklah ilmu yang guru tahu berkenaan kurikulum, pengajaran dan perkembangan kanak-kanak.

1.10.3 Kemahiran mengajar

Kemahiran mengajar secara ringkasnya merujuk kepada cara menyampaikan ilmu dengan pengetahuan yang khusus dengan menggunakan kaedah dan teknik tertentu dan ini dikenali sebagai pedagogi (Esah, 2004). Dalam pendidikan prasekolah, guru prasekolah perlu mempunyai kemahiran untuk melaksanakan pelbagai aktiviti



pengajaran yang bersesuaian dengan tahap perkembangan, kebolehan, keupayaan, bakat dan minat murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009).

Di dalam kajian ini pengkaji meletakkan kemahiran pengajaran guru prasekolah sebagai kecekapan dan kebolehan yang dapat diperhatikan dalam proses pelaksanaan pengajaran di dalam kelas dan menurut pandangan mereka melalui temu bual, pemerhatian pengajaran serta analisis dapatan melalui dokumen rancangan pengajaran harian.

1.10.4 Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Penilaian ke atas PdP dilaksanakan bukan hanya keatas guru, namun dilaksanakan ke atas pelajar juga. Arikunto (2009) menyatakan bahawa tujuan penilaian bagi pelajar adalah untuk mendapat tahu sejauh mana pelajar itu dapat mengikuti pembelajaran yang diberikan guru. Manakala penilaian ke atas guru pula bertujuan untuk memberikan maklumat tentang penguasaan murid terhadap pembelajaran (Mari Fuji Siahaan, 2014).

Penilaian merupakan proses yang berkesinambungan dalam mengumpul maklumat dari pelbagai sumber tentang proses pengajaran guru dan hasil belajar murid-murid (Arifin, 2013). Di dalam kajian ini, penilaian PdP merupakan tindakan guru ke atas pengajaran yang telah dilaksanakan seperti kaedah pengajaran yang digunakan, kesesuaian bahan, pengurusan ruang ke atas perkembangan kanak-kanak.

1.10.5 Amalan Pengajaran Berkualiti

Robiah (2000) menyatakan bahawa kualiti pengajaran merupakan aspek yang penting dalam menyediakan manusia yang berkebolehan dan aspek kualiti ini memberi tumpuan kepada dua perkara utama iaitu kerelevanan dan keberkesanan yang diberikan kepada para pelajar dan masyarakat.

Dalam konteks Amalan Pengajaran Berkualiti (APB) ianya melibatkan proses dan tindakan guru seperti pengetahuan guru, kemahiran yang dimiliki guru, tindakan melaksanakan penilaian dengan tujuan menyediakan pengajaran yang terbaik kepada pelajarnya.

1.11 Rumusan

Bab ini telah membincangkan komponen penting kajian termasuklah pernyataan masalah, tujuan kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka konseptual dan definisi istilah. Kajian ini menerangkan perkembangan professional guru prasekolah dari segi amalan pengajaran berkualiti yang melibatkan pengetahuan dan kefahaman pedagogi, kemahiran perlaksanaan pengajaran, kemenjadian murid dan faktor demografi guru. Bab 2 yang berikutnya pula akan membincangkan sorotan kajian-kajian lepas.